

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk menggalakkan lebih ramai orang Cina dan India untuk menyertai perkhidmatan polis. Berapakah peratusan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan polis pada masa sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Suruhanjaya Pasukan Polis dan Polis Diraja Malaysia sentiasa berusaha menggalakkan penyertaan pelbagai kaum dalam perkhidmatan PDRM. Berikut adalah langkah-langkah yang telah dijalankan bagi meningkatkan penyertaan kaum lain menyertai PDRM:

1) Menghebahkan pengambilan permohonan bagi semua jawatan di dalam PDRM melalui portal SPA (www.spa.gov.my) dan kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah bermula sejak 20 Mac 2012;

SOALAN NO : 15

- 2) Kaedah baharu dalam pengambilan bagi semua jawatan di dalam PDRM melalui sistem e-Pengambilan Polis Diraja Malaysia telah di hebah melalui media massa dan media cetak pada masa sekarang dan akan dilancarkan pada 29 Oktober 2019 oleh Ketua Polis Negara.
- 3) Hebahan melalui medium media baru seperti ' Facebook ' dan portal rasmi PDRM serta hebahan melalui saluran berita tv tempatan, radio melalui saluran berbahasa Melayu, Cina dan Tamil;
- 4) Kerjasama dengan parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu menghebahkan dan mengalakkan belia-belia mereka memohon jawatan mengikut kelulusan akademik melalui laman web SPA;
- 5) PDRM juga dari semasa ke semasa mengadakan pengambilan khas (*special intake*) berdasarkan keperluan semasa sebagai contoh pengambilan khas bagi kaum cina yang telah dilaksanakan pada tahun 2014;
- 6) Mengadakan "Road Show" dan pameran di semua peringkat Universiti Kerajaan dan Swasta serta sekolah-sekolah bagi menyampaikan dan menerangkan kerjaya sebagai pegawai polis kepada masyarakat termasuk masyarakat bukan melayu melalui program "Community Policing" dan kerjasama masyarakat setempat;
- 7) PDRM juga dari semasa ke semasa menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan yang munasabah bagi mendapatkan kenaikan gaji dan elaun-elaun ke satu tahap yang berpatutan mengikut keadaan semasa untuk semua peringkat pangkat anggota polis bagi menarik minat mereka; dan
- 8) Menarik minat mahasiswa / mahasiswi semua bangsa di IPTA Awam untuk memasuki Kor Sukarelawan Polis SUKSIS.

Peratusan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan polis pada masa sekarang adalah sebanyak 21.65%.